



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
ARAS 2, BLOK E2,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8884 9190
Faks: 03-8888 6670
Laman Web://www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-8/13/1 JLD 2 (62)
Tarikh : 12 Disember 2023

Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
(u.p.: Sektor Pendidikan Khas)

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

MAKLUMAN PENUTUPAN AKSES SISTEM RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU (e-RPI)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) kepada semua murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) telah berkuat kuasa berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2023-Buku Panduan Rancangan Pendidikan Individu Edisi Kedua Untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 11 April 2023.
3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan, segala tatacara penyediaan, pelaksanaan dan format borang RPI perlu mematuhi surat pekeliling dan buku panduan yang sedang berkuat kuasa. Rekod penulisan RPI boleh dilaksanakan secara manual oleh pihak sekolah. Sehubungan dengan itu, penulisan RPI secara dalam talian (e-RPI) yang diakses melalui <https://ppirpi.moe.gov.my/> akan ditutup berikutan format borang RPI dalam sistem sedia ada perlu ditambah baik mengikut format yang baharu.

...2/-

KPM.600-8/13/1 JLD.2(62)

4. YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat makluman ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua, guru besar dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. RODIAH BINTI IDRIS)

Pengarah

Bahagian Pendidikan Khas

Kementerian Pendidikan Malaysia